

Perdebatan prestasi FDI

**DR. MAHANI
ZAINAL ABIDIN**



LAPORAN Pelaburan Dunia (WIR) 2010 yang diterbitkan baru-baru ini oleh UNCTAD telah mencetuskan perbincangan hangat dan membuka perdebatan mengenai polisi ekonomi dan prestasi pelaburan langsung asing (FDI) Malaysia.

Perdebatan ini berkisar kepada dua isu. Pertama ialah kejatuhan diluar jangkaan aliran masuk FDI Malaysia pada 2009 dan isu kedua pula ialah aliran keluar FDI yang besar dari Malaysia.

Kemerosotan FDI pada tahun 2009 sebenarnya bukanlah sesuatu yang menghairankan kerana ekonomi dunia yang meleset pada masa itu turut mengheret turun FDI global. Tetapi apabila FDI Malaysia menjunam sebanyak 81 peratus daripada AS\$7.3 bilion pada 2008 kepada AS\$1.4 bilion pada 2009 sedangkan FDI global hanya jatuh sebanyak 37 peratus sahaja, ini telah menimbulkan pelbagai persoalan.

Isu kedua adalah berkaitan dengan yang pertama tetapi berbeza sedikit. Kebimbangan juga timbul kerana aliran keluar FDI Malaysia pada 2009 sebanyak AS\$8.04 bilion telah menyebabkan negara mengalami aliran bersih FDI yang negatif (iaitu aliran keluar lebih besar daripada aliran masuk).

Perlukah kedua-dua isu ini diberikan perhatian yang serius? Jika perlu, apakah tindakan kita? Yang pasti, kita tidak boleh memahami atau menangani masalah ini secara makro. Sebaliknya, kita perlu meneliti fakta secara terperinci dan holistik sekiranya kita mahu mendalami permasalahan sebenar dan seterusnya mencari penyelesaian.

Sebagai permulaan, kita mesti menyedari bahawa aliran FDI boleh berubah secara mendadak dari tahun ke tahun. Sebagai contoh pada 2001, FDI Malaysia hanyalah bernilai AS\$0.5 bilion tetapi pada 2002, nilainya melonjak sebanyak 540 peratus kepada AS\$3.2 bilion. Negara-negara lain juga turut mengalami laluan yang serupa. Aliran FDI Singapura menurun sebanyak 70 peratus pada 2008 tetapi meningkat semula sebanyak 54 peratus pada 2009. Jadi turun naik aliran FDI ini adalah lumrah alam.

Berdasarkan kemaruahan yang tinggi dari tahun ke tahun, lebih tepat jika kita melihat FDI dari sudut jangka panjang. Dari perspektif ini, aliran masuk FDI ke Malaysia meningkat meskipun tidaklah sehebat negara-negara lain. Dari 2000 ke 2009, aliran FDI



KERAJAAN menyedari banyak yang perlu dilakukan untuk negara lebih berdaya saing perkara ini juga dibangkitkan oleh Najib Tun Razak semasa berucap di Invest Malaysia 2010 "Powering Global Excellence" di Shangri-La Hotel, Mac lalu.

tahunan negara meningkat sebanyak 4.2 peratus manakala negara-negara lain di rantau ini mencatatkan pertumbuhan dua digit. Ini bermakna, kita perlu berusaha mempertingkatkan lagi aliran masuk FDI.

Bagaimana pula dengan aliran keluar FDI? Apakah ini bukti yang menunjukkan pelabur hilang keyakinan terhadap Malaysia? Tidak semestinya! Forum Ekonomi Dunia mengiktiraf Amerika Syarikat (AS) sebagai ekonomi kedua paling kompetitif di dunia pada 2009, tetapi pada tahun yang sama AS telah mencatatkan aliran bersih FDI yang negatif sebanyak AS\$118.2 bilion.

Situasi yang sama juga dicatatkan oleh Jepun dan Korea Selatan. Ini menunjukkan aliran bersih FDI yang negatif tidak semestinya bermakna sebuah negara itu sudah hilang keyakinan pelabur.

Bukan sahaja ekonomi yang lemah, tetapi ekonomi kuat juga mungkin mengalami aliran keluar FDI. Bagi Malaysia, ada dua faktor yang memainkan peranan penting. Satunya, Malaysia mempunyai tabungan yang sangat tinggi dan seperti kebiasaan di negara-negara lain lebihan ini akan mencari tempat pelaburan di luar negara. Kerajaan telah cuba menggalakkan pelaburan dibuat di dalam negara sejak Krisis Kewangan Asia 1998 lagi tapi masih belum berjaya sepenuhnya.

Faktor kedua ialah syarikat-syarikat Ma-

laysia secara agresif mencari keuntungan tinggi dari luar. Industri kita semakin matang dan syarikat-syarikat tempatan pula mempunyai keupayaan dan modal untuk melabur di pasaran luar. Kita sudah bertapak di Asia Barat, Asia Selatan dan Asia Tenggara kerana kepakaran dan pelaburan kita dalam bidang petroleum, minyak kelapa sawit, telekomunikasi dan infrastruktur.

Secara logiknya, kita tidak mahu menyekat syarikat Malaysia daripada memperluaskan operasi di arena antarabangsa. Sebaliknya, kita seharusnya menggalakkan syarikat-syarikat tersebut merebut peluang yang terbuka. Persoalannya bagaimana pelaburan tempat boleh dirancarkan? Cabaran ini telah wujud sejak lama tetapi yang penting kita memerlukan penyelesaian segera.

Punca kelembapan pelaburan adalah kekangan 'struktural'. Kerajaan menyedari sepenuhnya cabaran ini dan telah memulakan pelbagai inisiatif perubahan.

Sebagai contoh, sejak tahun lalu banyak sekatkan ekuiti dan kuota pelaburan asing dimansuhkan atau dikurangkan manakala 27 subsektor perkhidmatan pula diliberalisasikan.

Banyak langkah dan dana juga diberikan dalam usaha mempromosikan inovasi serta meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D). Transformasi pendidikan, pe-

Aliran bersih FDI yang negatif tidak semestinya bermakna sebuah negara itu sudah hilang keyakinan pelabur. Bukan sahaja ekonomi yang lemah, tetapi ekonomi kuat juga mungkin mengalami aliran keluar FDI

ngkatkan kemahiran guru-guru, memperluaskan latihan teknikal dan vokasional serta memudahkan kemasukan pekerja asing berkemahiran tinggi serta program menarik bakat Malaysia pulang berkhidmat adalah antara usaha yang diambil untuk mengatasi isu kekurangan tenaga kerja berkemahiran.

Di pihak kerajaan pula tahap perkhidmatan sektor awam ditingkatkan menerusi Program Transformasi Kerajaan (GTP). Langkah yang sepatutnya telah lama diambil iaitu mengkorporatkan dan memperkasakan Lembaga Kemajuan Perindustrian (sekarang Pelaburan) Malaysia (MIDA) telah pun dilaksanakan supaya Malaysia dapat bergerak lebih pantas dalam dunia persaingan tinggi FDI.

Kerajaan menyedari memang banyak yang perlu dilakukan untuk negara lebih berdaya saing. Inilah persoalan yang terkandung dalam Model Baru Ekonomi (MBE).

Laporan pertama MBE meneliti secara kritikal tetapi membina mengenai masalah yang melemahkan aliran masuk FDI seperti kekurangan pekerja mahir, kapasiti teknologi yang bertahap rendah, birokrasi yang membebankan, industri kecil dan sederhana yang tidak matang, rasuah, dan keadaan keselamatan yang kurang.

Persekitaran global FDI akan mencabar kerana negara-negara maju akan terus bergelut dengan pertumbuhan lembap, defisit yang besar dan hutang yang tinggi. Bagi menghadapi keadaan sebegini, kita perlu menerima hakikat tentang perlunya kita berubah dan tidak hanya bertahan kepada status quo semata-mata.

Tetapi, jika berubah janglah perubahan itu tidak produktif atau tidak berfaedah. Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi yang telah diperkenalkan perlu diambil secara serius jika kita mahu menjadi sebuah pusat pelaburan utama dan kembali menjadi kuasa ekonomi.

DATUK DR. MAHANI ZAINAL ABIDIN
ialah Ketua Eksekutif Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS).